

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN (SUBANG)**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2019**

**SOALAN**

**TUAN WONG CHEN [SUBANG]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah pihak kementerian akan meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 untuk membenarkan kebebasan akhbar yang lebih besar di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kebebasan bersuara dan mengeluarkan pendapat adalah dilindungi oleh Perlembagaan Persekutuan. Ianya adalah asas penting kepada kewujudan sesebuah negara demokrasi yang moden. Ini termasuklah kebebasan melaporkan berita, kenyataan dan penerangan di dalam akhbar dan medium-medium yang lain. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna sebarang laporan dan kenyataan wajar dibenarkan untuk disiarkan dengan bebas secara mutlak bagi menjaga keharmonian dan sensitiviti masyarakat majmuk di negara ini.

Sejurus selepas Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14), Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah mengambil inisiatif untuk mengkaji dan meneliti semula undang-undang berkaitan keselamatan yang dilihat oleh sesetengah pihak bersifat menekan dan zalim. Ini selari dengan Janji 27, Manifesto Pakatan Harapan yang dibentuk oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Enam (6)

## **SOALAN NO : 31**

akta yang dikaji adalah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA), Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA), Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA), Akta Hasutan 1948, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (AMCP) 1984 dan Akta Perhimpunan Aman (APA) 2012.

Untuk makluman Yang Berhormat, APA 2012 telah dibentangkan pada sesi parlimen yang lalu, manakala lima (5) akta lain akan menyusul mengikut keutamaan. Bagi AMCP 1984, kajian di peringkat Jawatankuasa Khas dan Jawatankuasa Teknikal Kajian Undang-undang Berkaitan Keselamatan telah selesai. Semua input dan pandangan yang telah diperoleh daripada pihak berkepentingan dalam Jawatankuasa tersebut telah diambil kira. Satu (1) Kertas Jemaah Menteri Mengenai Kajian AMCP 1984 akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri setelah penelitian kajian dimuktamadkan.